

# Hari Terbuka Kolej Kediaman CD catat sejarah

UB 29. 4. 2014 A6

Oleh JOHAN AZIZ

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencatat sejarah menganjurkan Program Hari Terbuka yang buat julung kalinya diadakan di sini baru-baru ini dan mendapat sambutan meriah.

Program itu bertujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan dalam kalangan mahasiswa Kolej Kediaman CD yang berbeza latarbelakang di samping memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai selok-belok pengurusan program di kolej kediaman



NURLAILA menerima Anugerah Tokoh Cemerlang Dinamik. Turut kelihatan Nizam (kiri).



NURLAILA menandatangani plat perasmian Taman Mini.



NURLAILA bergambar bersama-sama pengurusan Kolej CD dan pasukan unit beruniform kolej itu.

jawatankuasa pelaksana bagi menarik kedatangan pengunjung dari dalam maupun luar UMS.

Ekspo keusahawanan menyaksikan penyertaan dari pihak luar dan pelajar sendiri dengan melibatkan hampir 25 buah gerai. Pameran pula disertai oleh badan beruniform seperti Palapes Laut, Palapes Udara dan Jabatan Pertahanan Awam serta agensi luar seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan kepenggunaan (KPDNK).

Kempen Derma Darah merupakan antara aktiviti yang diadakan berterusan sepanjang empat hari program berlangsung dengan penglibatan Hospital Kudat dan Hospital Queen Elizabeth.

Program itu turut memberi peluang kepada masyarakat luar untuk memasuki menara gading dan bersama-sama menjalankan aktiviti dengan mahasiswa khususnya penghuni Kolej Kediaman CD.

malahupun universiti.


Program itu turut memberi peluang kepada masyarakat luar untuk memasuki menara gading dan bersama-sama menjalankan aktiviti dengan mahasiswa khususnya penghuni Kolej Kediaman CD.

Hari Terbuka Kolej Kediaman CD dirasmikan pembukaan dan penutupannya oleh Pengarah Tabung Haji Sabah Datin Nurlaila Said.

Sepanjang program diadakan, pelbagai program dijalankan oleh ahli

Hari pertama Program Hari Terbuka dimulakan dengan ceramah bersama KPDNK yang melibatkan hampir 100 peserta dari universiti dan pelajar sekolah. Sekolah yang turut serta adalah SMK Majakir, SMK Taman Tun Fuad, SMK Benoni dan SMK Sanzac.

Bacaan Yassin dan Malam Cinta Rasulullah turut diadakan pada sebelah malamnya. Hari kedua disambung dengan UMS Got Talent di mana hampir 20 peserta telah mendaftarkan diri dan 10 peserta terbaik



LAWATAN ke tapak pameran.



NURLAILA menyiram bunga yang ditanamnya.

dipilih ke peringkat akhir pada malamnya.

Pada hari ketiga pula diadakan Ceramah Motivasi menghadapi alam perkahwinan bertajuk 'Semanis Senyum' dari Ustaz Mohd Syahir Ismail dari Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Gaya.

Hari terakhir menyaksikan pertandingan Le Tour de CD dan Larian Wellness Community di mana para peserta dilepaskan oleh Nurlaila dan wakil Syarikat Atikah Sdn Bhd.

Palapes Laut UMS mengadakan kawad kaki semasa upacara penyampaian



JUARA wanita wellness menerima hadiah daripada Nurlaila disaksikan oleh Nizam (tengah).

hadiah kepada pemenang kedua-dua acara. Perasmian Taman Mini Kolej Kediaman CD disempurnakan oleh Nurlaila dengan simbolik penanaman pokok.

Pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah juga menganjurkan Kursus Sukan Untuk Semua kepada Mahasiswa UMS. Seramai 80 orang menyertai kursus itu.

Di akhir majlis perasmian

dan penutupan Hari Terbuka Kolej Kediaman CD, Nurlaila dianugerahkan sebagai Tokoh Cemerlang Dinamik.

Menurut Pengetua Kolej CD Dr Mohamad Nizam Nazarudin, pengajuran program itu dapat memberikan pelbagai kemahiran yang berguna kepada mahasiswa sebagai nilai tambah yang akan digunakan dalam kerjaya kelak.